

16/07/2002

Dr M pemimpin unik, istimewa: Pemandu

SYAWAL Agus, 51, yang menjadi pemandu Perdana Menteri sejak 21 tahun lalu, menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin yang unik dan istimewa.

Beliau berkata, Dr Mahathir kerap mengajaknya bersiar-siar pada hujung minggu atau cuti umum.

"Tetapi bukan saya yang memandu. Jika Datin Seri (Dr Siti Hasmah Mohd Ali) tidak bersama, saya akan duduk di sebelahnya sambil Datuk Seri sendiri memandu sama ada ke kompleks beli-belah atau meninjau projek pembangunan tanpa pengetahuan agensi kerajaan terbabit atau pemaju projek.

"Beliau pantang melihat pengguna jalan raya melanggar undang-undang. Ketika dalam kereta, Perdana Menteri akan mengeluarkan komen seperti "mengapa orang itu tak ikut peraturan" apabila terlihat pemandu tidak mematuhi lampu isyarat atau membuat pusingan U pada tempat yang tidak sepatutnya," katanya.

Syawal berkata, Dr Mahathir juga tidak suka pemandu meletakkan kenderaan sembarangan, terutama yang menghalang lalu lintas.

"Apabila ke kompleks beli-belah pada hujung minggu atau cuti umum, beliau akan pastikan keretanya diletakkan pada tempat betul supaya tidak menghalang kenderaan lain.

"Malah, beliau sanggup berjalan jauh untuk ke kompleks beli-belah apabila tiada tempat meletak kereta di hadapan bangunan itu. Lainlah kalau ada acara rasmi," katanya.

Syawal berkata, Dr Mahathir suka ke Bintang Walk dan Lot 10 di Jalan Bukit Bintang di ibu negara. Kawasan ini memang sentiasa sesak, lebih-lebih lagi pada cuti umum atau hari minggu.

Katanya, jika nak ke Lot 10, Perdana Menteri minta diturunkan di hadapan Star Hill dan akan berjalan kaki ke Lot 10 bersama pengawal peribadinya.

Syawal yang berasal dari Banting, Selangor dan mempunyai tiga anak berusia 15 hingga 25 tahun, berkata Perdana Menteri juga tidak tahu erti rehat.

"Dalam kereta pun, beliau menulis ucapan dan membelek-belek fail ketika dalam perjalanan ke pejabat atau bagi menghadiri acara rasmi," katanya.

Syawal berkata, Perdana Menteri bukan saja suka memandu sendiri di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor, malah sehingga ke Melaka, Bukit Tinggi dekat Bentong dan Janda Baik.

Katanya, antara tempat yang pernah dilawatnya ialah Hulu Yam, Selangor dan apabila melihat air kotor di tempat rekreasi di situ, Dr Mahathir mula mengeluh dan kemudian akan memberitahu pihak yang berkenaan untuk mengambil tindakan lanjut.

Katanya, Dr Mahathir turut memandu sehingga ke Klang, Hulu Langat dan patah balik ke arah Batu Caves. Kadangkala pekerja di stesen minyak tergamam apabila ternampak Dr Mahathir dalam kereta ketika pemandunya mengisi minyak.

"Datuk Seri suka meninjau projek yang dalam pelaksanaan tanpa diketahui oleh sesiapa. Dulu ketika KLIA sedang dalam pembinaan, saya selalu mengiringi Datuk Seri ke sana sekurang-kurangnya dua minggu sekali.

"Begitu juga ketika Putrajaya dan Cyberjaya dalam pembinaan. Malah, beliau masih terus meninjau perjalanan projek di Putrajaya sekarang," katanya.

Dr Mahathir biasanya akan terus meninjau ke tapak sesuatu projek selepas menerima taklimat rasmi bagi melihat sendiri kemajuan projek itu.

Pada pagi Ahad pula, katanya, Dr Mahathir menunggang kuda sama ada di Kelab Polo Selangor, Wetland dan Paya Indah di Putrajaya atau Cyberjaya.

Katanya, Dr Mahathir juga akan menghadiri majlis perkahwinan kakitangannya atau anak mereka apabila dijemput.

Satu lagi keistimewaan Dr Mahathir, katanya, ialah pengurusan masa yang begitu baik sekali.

"Masanya begitu tepat sekali. Kerja saya pula menjadi senang kerana saya tahu bila Datuk Seri akan ke pejabat tanpa perlu menunggu lama kecuali ada urusan penting lain," katanya.

Beliau berkata, jika tiada urusan di luar, Dr Mahathir akan keluar dari kediamannya di Putrajaya pada jam 7.45 pagi dan mesti sampai di pejabat sebelum jam 8 pagi.

"Kalau nak menghadiri acara tertentu di Kuala Lumpur yang memakan masa perjalanan 25 minit dari Putrajaya misalnya, Datuk Seri akan pastikan akan sampai di majlis itu dalam masa ditetapkan.

"Apabila saya memandu terlalu laju pula, beliau akan tegur "apa laju sangat, banyak masa lagi". Sebenarnya, Datuk Seri takut nanti orang belum bersedia (di acara yang akan dihidirinya) jika beliau tiba terlalu awal kerana beliau amat mementingkan ketepatan masa. Masa memang beliau cukup jaga," katanya.